

Pelajari landscape luar negara

Oleh **NOOR FAZRINA KAMAL**
Gambar SAIFUL BAHARI ASHAARI

SENI bina landscape mengajar pelajar dalam pembinaan landscape yang menarik, mengikut prinsip-prinsip reka bentuk yang betul.

Menurut empat pelajar tahun dua Bachelor Seni Bina Landscape di Universiti Putra Malaysia (UPM), melalui bidang itu mereka berpeluang ke luar negara untuk melihat dan merasai sendiri 'aura' seni reka landscape di sana.

Antara negara-negara yang telah dilawati adalah Denmark dan Thailand.

Bersertakan landscape yang sangat menarik, Denmark pastinya banyak mengajar Nur Amira Noor Kamal, Siti Nurfathirah Adnan, Nur Adibah Abdul Karim dan Seri Rahayu Puteri-Ghazalli dalam pembelajaran mereka.

Program 'Mobiliti Pelajar' UPM memberi peluang kepada pelajar yang memohon untuk ke luar negara selama dua minggu. Sepanjang dua minggu di sana mereka berpeluang mengikuti pembelajaran bersama pelajar-pelajar Senibina Landscape di University of Copenhagen.

Menurut mereka, cara pembelajaran di Malaysia dan di Copenhagen adalah sangat berlainan.

Di sana juga mereka berpeluang menjadi orang kurang upaya (OKU) dengan diberi kerusi roda, menjadi orang buta dan separa buta.

"Kami dapat menyelami perasaan OKU dengan berbuat demikian. mungkin selama ini kami tidak menyedari betapa susahnyanya mereka menjalani kehidupan seharian tanpa kemudahan yang khas untuk OKU," kata Nur Amira.

Pengalaman itu dapat digunakan dalam reka bentuk terutama untuk kepentingan serta kemudahan khas OKU.

Selain mengikuti sesi pembelajaran di sana, mereka juga berpeluang melawat banyak taman-taman yang sangat cantik dan menarik yang tiada di Malaysia. Antara taman yang mereka telah lawati adalah King's Garden, Rosenborg Palace dan banyak lagi. Sinonim dengan bidang pembelajaran mereka, semestinya lawatan-lawatan di tempat sebegini banyak membantu dalam proses pembelajaran mereka. Selain Copenhagen, mereka juga berkesempatan melawat Thailand selama seminggu bersama rakan-rakan sekelas mereka yang lain.

Lawatan yang diketuai beberapa orang pensyarah ini membawa pelajar ke taman-taman yang terkenal di sana seperti Nong Nooch Tropical Garden, Queen Sirikit Botanical Garden, serta Floating Market. Thailand adalah salah satu negara yang terkenal dengan landscapnya yang unik dan menarik.

Selain menghayati keindahan landscape Thailand, mungkin ramai yang mengetahui bahawa Thailand juga terkenal dengan budaya yang unik. Terdapat juga sebuah tempat di

SENI bina landscape pencetus kepada kehidupan masa kini dan akan datang.



PROGRAM mobiliti pelajar UPM ke Universiti Of Copenhagen, Denmark. Dari kiri, Seri Rahayu Puteri, Siti Nur Fathirah, Kjell Nelson, Richard Hare, Nur Adibah dan Nur Amira.

Thailand bernama 'Siam Niramit', di mana orang luar dapat mengenali budaya Siam dengan lebih dekat lagi. Di sini juga terdapat sebuah replika perkampungan Siam yang sebenar. Secara tidak langsung, pelajar juga dapat melihat, mengkaji dan memahami budaya Siam ini sendiri dengan lebih dekat.

"Pengalaman yang kami peroleh hasil dari lawatan ke sana sedikit sebanyak membuka mata dan fikiran mereka

dalam merancang dan menghasilkan idea-idea yang baru. Peluang berada di tempat orang memberikan pengalaman yang berbeza berbanding dengan hanya melawat dalam negara sendiri. Ianya sedikit sebanyak dapat menambahkan ilmu untuk diri kami sendiri," ujarnya.

Mengikut perancangan mereka lagi, sekiranya tiada aral melintang, mereka akan ke Korea pada bulan September ini di bawah subjek fakulti mereka.

Kami dapat menyelami perasaan OKU dengan berbuat demikian. mungkin selama ini kami tidak menyedari betapa susahnyanya mereka menjalani kehidupan seharian tanpa kemudahan yang khas untuk OKU

"Sebenarnya lawatan-lawatan seperti ini adalah untuk memberikan pengetahuan yang baru. Melalui lawatan yang diadakan, ia bukan sahaja memberi pengalaman baru kepada pelajar, malah menambahkan lagi ilmu," katanya.

Pelbagai jenis budaya dan masyarakat di sesuatu tempat dapat dipelajari di mana budaya dan masyarakat setempat adalah antara faktor yang penting dalam melakukan perancangan sesuatu reka bentuk landscape yang baru dan asli," jelasnya.